



NASIONAL

Pelan MHIT asas diperkenal tahun depan, tawar perlindungan hingga usia 85 tahun

🕒 22 Januari 2026, 7:43pm



Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan

Oleh: Amanda Lopez

KUALA LUMPUR: Rakyat bakal mempunyai pilihan perlindungan kesihatan swasta yang mampu milik serendah RM80 sebulan, menerusi pengenalan Pelan Insurans dan Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) asas, yang akan diperkenalkan tahun depan.

ADVERTISEMENT



Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, ciri utama pelan itu, seperti yang dinyatakan dalam kertas putih MHIT asas, ialah had tahunan yang munasabah untuk menampung kos rawatan bagi kebanyakan penyakit lazim, merangkumi hampir 99 peratus bil hospital.

“Perlindungan juga dijamin boleh diperbaharui sehingga usia 85 tahun,” kata beliau dalam sesi sidang media sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Mengenai Kos Penjagaan Kesihatan Swasta bersama Menteri Kewangan II dan Menteri Kesihatan.

Pelan MHIT asas memberi fokus kepada perlindungan kemasukan ke hospital dengan lebih banyak pilihan rawatan, termasuk rawatan sebelum dan selepas hospitalisasi, susulan di klinik pengamal perubatan am (GP), fisioterapi serta penjagaan kejururawatan di rumah.

Bagi individu berumur 30 hingga 35 tahun, premium bulanan yang dicadangkan antara RM80 hingga RM120.

Bagi mereka yang berumur 61 hingga 65 tahun, premium adalah antara RM280 hingga RM350 sebulan, manakala bagi individu berumur 75 tahun ke atas, harga premium dicadangkan antara RM500 hingga RM780 sebulan.

Had tahunan bagi individu berumur bawah 61 tahun ialah RM100,000, manakala bagi mereka yang berumur lebih 61 tahun, had tahunannya ialah RM150,000.

Liputan pelan itu juga merangkumi kos rawatan tinggi bagi kanser dan perubatan berdasarkan penilaian keberkesanan kos.

Pelan MHIT asas turut menawarkan manfaat dan premium yang diseragamkan, sekali gus memudahkan perbandingan antara pelan insurans dan takaful serta memastikan pendekatan pengunderaitan dan tuntutan lebih konsisten.

Penetapan manfaat dan premium akan disemak serta ditentukan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Bagi mengawal kenaikan kos rawatan, pelan itu menggunakan struktur bayaran bersama (co-payment) berperingkat dengan liputan hospital yang luas.

Bayaran bersama yang lebih rendah dikenakan, jika pesakit mendapatkan rawatan di hospital rangkaian yang lebih kos efektif.

Selain itu, pelaksanaan pembayaran berdasarkan Kumpulan Berkaitan Diagnosis (DRG) akan diperkenalkan secara berperingkat bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan kos rawatan.

Rawatan berteknologi tinggi, termasuk rawatan kanser pesakit dalam dan pesakit luar turut dilindungi, namun berdasarkan penilaian keberkesanan kos yang ditentukan melalui Penilaian Teknologi Kesihatan.

Pelan MHIT asas itu juga menetapkan satu penanda aras kepada syarikat insurans dan pengendali takaful bagi memastikan penawaran produk selari dengan prinsip perlindungan asas yang mampan.

Sebagai nilai tambah, pemegang polisi boleh memilih pakej penjagaan pencegahan dan kesihatan secara pilihan dengan kos ditanggung sendiri, yang ditawarkan pada kadar diskaun hasil rundingan Kementerian Kesihatan (KKM).

Bagi pengguna yang mahukan perlindungan lebih tinggi, pelan MHIT standard-plus turut ditawarkan dengan had tahunan lebih besar tetapi deduktibel lebih tinggi,

pada premium yang lebih rendah.

Pelan itu sesuai untuk individu yang sudah dilindungi oleh majikan atau mampu menanggung sebahagian kos hospital.

Pelan MHIT asas merupakan antara empat inisiatif utama yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS) di bawah strategi RESET.

Ia bertujuan mengawal inflasi kos perubatan dan memperluas akses penjagaan kesihatan kepada rakyat.

Ad



Building a safer digital Malaysia, one layer at a time

by CelcomDigi

[Read More](#)

BERITA BERKAITAN

